

**PERANAN DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU  
(DBKK) DAN KESANNYA TERHADAP KUALITI  
HIDUP KOMUNITI DARI PERSPEKTIF  
KELESTARIAN BANDAR**



**BENEDICK OLIVER**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**PERANAN DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU  
(DBKK) DAN KESANNYA TERHADAP KUALITI  
HIDUP KOMUNITI DARI PERSPEKTIF  
KELESTARIAN BANDAR**

**BENEDICK OLIVER**



**UMS**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH DOKTOR  
FALSAFAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : **PERANAN DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU (DBKK) DAN KESANNYA TERHADAP KUALITI HIDUP KOMUNITI DARI PERSPEKTIF KELESTARIAN BANDAR**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH SAINS SOSIAL**

BIDANG : **SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL**

Saya **BENEDICK OLIVER** Sesi **2012-2023**, mengaku membenarkan tesis Doktor ini, disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

---

**BENEDICK OLIVER**  
**DA1221001T**

---

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 13 Mac 2023

---

(Dr. Jalilah Md Shah)  
Penyelia Utama

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

26 Oktober 2022

---


Benedick Oliver  
DA1221001T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **BENEDICK OLIVER**  
NO. MATRIK : **DA1221001T**  
TAJUK : **PERANAN DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU (DBKK) DAN KESANNYA TERHADAP KUALITI HIDUP KOMUNITI DARI PERSPEKTIF KELESTARIAN BANDAR**  
IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH SAINS SOSIAL**  
BIDANG : **SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL**  
TARIKH VIVA : **26 OKTOBER 2022**



DISAHKAN OLEH;

UMS  
Tandatangan  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**1. PENYELIA UTAMA**  
Dr. Jalihah Md Shah

---

**2. PENYELIA BERSAMA**  
Dr. Paul Porodong

---

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana di atas berkat-Nya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Syukur, saya ucapkan.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Jalihah Md Shah, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang telah diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak membimbing saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pelajar yang baik. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah dan staf Pasca, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan. Terima kasih juga kepada pihak institusi kajian, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan komuniti bandar Kota Kinabalu kerana telah memberi sokongan penuh dalam kerja lapangan dan memudahkan proses untuk mendapat data.

Ribuan terima kasih atas doa restu ibu bapa yang saya sayangi, Oliver Lidadun dan Mathilda Sungkin yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa peringat dan panduan hidup. Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada isteri tercinta Angela Engkuan dan anak-anak tersayang Dr. Prins Bonaventure, Dr. Prins Isaac, Prins David Immanuel, Dr. Annabeth serta cucu saya Christian P. Bonaventure dan Clara Ann P. Bonaventure, adik-adik saya Yom Mary, Rosaline, Carolina, Olivia, Veronica, Scholastica dan Laurasiam atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi dan doa kalian sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi sepanjang hayat.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada sahabat handai Mayor Pertama Datuk Abdul Ghani Rashid, Mayor Ke-4 Datuk Yeo Boon Hai, Mayor Ke-5 Datuk Nordin Siman, Mayor Ke-6 Datuk Noorliza Awang Alip, Datuk Dr. Chua Kim Hing, Dr. Petrus Gandilau, Dr. Paul Porodong, Dr. Mahira Masdin, Tn. Alijus Hj. Sipil, Tn. Walter Kenson, Tn. Robert Lipon, Tn. Stanley Chong serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan, cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang bermanfaat untuk tatapan generasi akan datang.

Benedick Oliver  
26 Oktober 2022

## ABSTRAK

Kajian yang menggunakan Teori Kelestarian Bandar dan kaedah fenomenologi, dijalankan dengan objektif untuk meneroka peranan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti Bandaraya Kota Kinabalu dalam bidang sosiologi bandar. Secara khususnya, kajian ini mempunyai empat (4) objektif iaitu (i) menghuraikan peranan dan program yang dilaksanakan oleh DBKK dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti Bandaraya Kota Kinabalu; (ii) menilai program yang dijalankan oleh DBKK dalam meningkatkan kualiti hidup penduduk Bandaraya Kota Kinabalu; (iii) mengenal pasti cabaran yang dihadapi DBKK dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti Bandaraya Kota Kinabalu; dan (iv) mengkaji strategi DBKK menangani cabaran untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti Bandaraya Kota Kinabalu. Data kajian ini dikutip melalui temubual mendalam dan pemerhatian di lapangan. Temubual mendalam dilakukan bersama 12 informan pemimpin komuniti Bandaraya Kota Kinabalu dan lima (5) informan DBKK. Penemuan kajian ini mendapati empat domain peranan yang dijalankan oleh DBKK dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti Bandaraya Kota Kinabalu. Empat domain peranan DBKK ini adalah peranan fizikal, peranan ekonomi, peranan sosial dan peranan tadbir urus. Keempat-empat domain peranan tersebut didapati berperanan penting dalam pembangunan Bandaraya Kota Kinabalu yang boleh meningkatkan kualiti hidup komuniti bandaraya ini. Daripada aspek keberkesanan peranan, kajian ini mendapati domain peranan fizikal menunjukkan keberkesanan positif terhadap kualiti hidup komuniti di Bandaraya Kota Kinabalu iaitu pengurusan sisa pepejal dan pembersihan parit. Selain itu, kajian ini turut menemui domain peranan sosial, ekonomi dan tadbir urus masih kurang mendapat perhatian daripada informan, sungguhpun domain peranan berkenaan saling berhubungkait dalam penyediaan kemudahan dan perkhidmatan kepada komuniti bandaraya. Kajian ini telah mengenalpasti lima cabaran utama yang dihadapi oleh DBKK dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti di Bandaraya Kota Kinabalu. Cabaran ini adalah ketidakcukupan akses sumber dana, ketidakcukupan akses sumber personel, penerimaan komuniti terhadap pembangunan, ketiadaan dasar perbandaran yang konsisten dan pengurusan bangunan perumahan persendirian yang tidak terkawal. Bagi berhadapan dengan cabaran ini, terdapat tiga (3) strategi yang menurut pentadbir DBKK iaitu memberi tumpuan kepada program yang berimpak besar, pembangunan yang mengikut citarasa komuniti dan mempelbagaikan sumber pendapatan DBKK.

## **ABSTRACT**

### **THE ROLE OF KOTA KINABALU CITY HALL AND ITS IMPACT ON THE COMMUNITY QUALITY OF LIFE FROM THE CITY SUSTAINABLE PERSPECTIVES**

*Using urban sustainability theory and phenomenological methods, this study was conducted with the objective to explore the role played by the Local Authority (PBT) namely the Kota Kinabalu City Hall (DBKK) in improving Kota Kinabalu community's quality of life in the field of urban sociology. This study specifically has four (4) objectives namely (i) to describe the role and programme implemented by KKCH in improving Kota Kinabalu's community quality of life; (ii) to evaluate the programs carried out by KKCH to improve the quality of life of the community of Kota Kinabalu City; (iii) to identify the challenges faced by KKCH in improving Kota Kinabalu community quality of life; and (iv) to review KKCH's strategy to address the challenges in improving Kota Kinabalu's community quality of life. The data of this study were collected through in-depth interviews and field observations. In-depth interviews were conducted with 12 Kota Kinabalu city community leaders and five (5) KKCH administrators. The findings of this study found four domains of role carried out by KKCH in improving Kota Kinabalu's quality of life. The four domains of KKCH's role are physical role, economic role, social role and finally the role of governance. These four role domains are found to play an important role in the development of Kota Kinabalu city which can improve the quality of life of the city's community. From the aspect of role effectiveness, this study found that the physical role domain showed a positive effectiveness on the Kota Kinabalu community's quality of life, namely solid waste management and drain cleaning. In addition, this study also found that informants gave less attention to the domains of social, economic and governance roles still receive less attention from informants, although the domains of these roles are interrelated in the provision of facilities and services to city dwellers. This study has identified five main challenges faced by KKCH in improving Kota Kinabalu's quality of life. These challenges are inadequate access to funding sources, inadequate access to personnel resource management, the absence of consistent urbanization policy and uncontrolled private house development. To face this challenge, there is a strategy done by KKCH and city community leaders that is to focus on programmes that have a big impact, development according to the tastes of the people and to diversify sources of KKCH income generation.*



# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.5.1 Kepentingan Kepada Teori	6
1.5.2 Kepentingan Dari Segi Polisi Pembangunan Dan Kualiti Hidup	7
1.6 Struktur Perbincangan Tesis	8
<b>BAB 2: KONSEP UTAMA DAN PERSPEKTIF TEORI PEMBANGUNAN BANDAR, KUALITI HIDUP DAN KELESTARIAN BANDAR</b>	
2.1 Pengenalan	9
2.2 Perbincangan Konsep Utama Kajian	9
2.2.1 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	9

2.2.2	Pembangunan Bandar	14
2.2.3	Kualiti Hidup	18
2.2.4	Komuniti Bandar	23
2.3	Teori Kelestarian Bandar	26
2.4	Kesimpulan	34

### **BAB 3: SOROTAN KAJIAN**

3.1	Pengenalan	36
3.2	Kajian Kesan Program Pembangunan Bandar	36
3.3	Kajian Kualiti Hidup di Bandar	41
3.4	Kajian Pihak Berkuasa Tempatan, Keberkesanan dan Cabarannya	48
3.4.1	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Luar Negara	49
3.4.2	Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia	53
3.4.3	Pihak Berkuasa Tempatan Peringkat Negeri Sabah	62
3.4.4	Kajian Keberkesanan Peranan Dan Cabaran Pihak Berkuasa Tempatan di Luar Negara dan di Malaysia	64
3.5	Kesimpulan	83

### **BAB 4: METODOLOGI KAJIAN**

4.1	Pengenalan	85
4.2	Kaedah Pendekatan Kualitatif	85
4.2.1	Pendekatan Fenomenologi	87
4.3	Kaedah Pengumpulan Data Kajian	87
4.3.1	Informan Kajian	88
4.3.2	Pembinaan Soalan Rangka Temubual	93
4.3.3	Pemilihan Pejabat Dewan Bandaraya Kota Kinabalu Dan Taman Perumahan Sebagai Lokasi Kajian	95
4.3.4	Temubual Secara Mendalam	97

4.3.5	Pemerhatian	99
4.3.6	Sumber Data Dokumen	100
4.4	Teknik Dan Proses Analisa Data	101
4.4.1	Membuat Transkripsi	101
4.4.2	Mengenal Pasti Domain Peranan Dan Ketepuan Tema	102
4.5	Skop Kajian	104
4.6	Isu Etika Dalam Penyelidikan	105
4.7	Kesimpulan	105

**BAB 5: PERANAN DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU DALAM MENINGKATKAN KUALITI HIDUP KOMUNITI BANDARAYA KOTA KINABALU**

5.1	Pengenalan	106
5.2	Program Dan Peranan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu Dari Pengalaman Informan DBKK	106
5.3	Program Dan Peranan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu Dari Pengalaman Informan Pemimpin Komuniti	109
5.4	Domain Peranan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu Berdasarkan Data Sekunder Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	113
5.5	Data Temubual Informan DBKK	115
5.6	Data Temubual Informan Pemimpin Komuniti	120
5.7	Kesimpulan	123

**BAB 6: PENILAIAN TERHADAP PERANAN DAN PROGRAM DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU DALAM MENINGKATKAN KUALITI HIDUP KOMUNITI BANDARAYA KOTA KINABALU**

6.1	Pengenalan	125
6.2	Penilaian Kesan Program Pembangunan Bandar Ke atas Peningkatkan Kualiti Hidup Komuniti Kawasan Perkadaran Bandaraya	125

6.2.1	Penilaian Domain Peranan Sosial	126
6.2.2	Rumusan Kesan Program Domain Peranan Sosial Terhadap Peningkatan Kualiti Hidup Komuniti Kawasan Perkadaran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	136
6.2.3	Penilaian Domain Peranan Tadbir Urus	137
6.2.4	Rumusan Kesan Program Domain Peranan Tadbir Urus Terhadap Peningkatan Kualiti Hidup Komuniti Kawasan Perkadaran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	142
6.2.5	Penilaian Domain Peranan Fizikal	142
6.2.6	Rumusan Kesan Program Domain Peranan Fizikal Terhadap Peningkatan Kualiti Hidup Komuniti Kawasan Perkadaran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	148
6.2.7	Penilaian Domain Peranan Ekonomi	148
6.2.8	Rumusan Kesan Program Domain Peranan Ekonomi Terhadap Peningkatan Kualiti Hidup Komuniti Kawasan Perkadaran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	151
6.3	Kesimpulan	154

**BAB 7: CABARAN DAN STRATEGI MENINGKATKAN KUALITI HIDUP KOMUNITI BANDARAYA KOTA KINABALU**

7.1	Pengenalan	158
7.2	Cabaran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu Meningkatkan Kualiti Hidup Komuniti Bandaraya Dari Pengalaman Informan DBKK	158
7.2.1	Ketidakcukupan Akses Sumber Dana	159
7.2.2	Ketidakcukupan Akses Sumber Personel	160
7.2.3	Penerimaan Komuniti Terhadap Pembangunan	162
7.2.4	Ketiadaan Dasar Perbandaran Yang Konsisten	163

	7.2.5	Pengurusan Bangunan Perumahan Persendirian Yang Tidak Terkawal	164
7.3		Cabaran Dan Strategi Dewan Bandaraya Kota Kinabalu Untuk Meningkatkan Kualiti Hidup Komuniti Bandaraya Dari Pengalaman Key Informan Pemimpin Komuniti	165
	7.3.1	Laluan Pembinaan Infra Elektrik Dan Air Semakin Sempit	166
	7.3.2	Kerjasama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu Dengan Pelbagai Agensi Yang Berkepentingan	166
	7.3.3	Maklumbalas Terhadap Aduan Sukar Yang Memerlukan Bajet Penyelenggaraan	166
	7.3.4	Infra Untuk Memperkasa Aspek Kebersihan	167
	7.3.5	Penyelenggaraan Atau Pembaikan Rumah Yang Usang	167
7.4		Strategi Dewan Bandaraya Kota Kinabalu Meningkatkan Kualiti Hidup Komuniti Bandaraya Kota Kinabalu Dari Pengalaman Informan DBKK	168
	7.4.1	Fokus Terhadap Program Berimpak Besar	168
	7.4.2	Pembangunan Mengikut Citarasa Komuniti	168
	7.4.3	Mempelbagaikan Sumber Pendapatan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	169
7.5		Pembangunan Mampan Untuk Meningkatkan Kualiti Hidup Komuniti Bandaraya Dari Pengalaman Informan DBKK	170
	7.5.1	Keseimbangan Pembangunan Bandar Mengikut Standard Kehidupan Komuniti Bandaraya	170
	7.5.2	Penyediaan Kemudahan Asas Yang Lengkap	171
	7.5.3	Pembangunan Mengikut Kesesuaian Keperluan Komuniti	171
	7.5.4	Pemantapan Peraturan Penjagaan Alam Sekitar	172
7.6		Kesimpulan	172

## **BAB 8: PENUTUP**


8.1	Pendahuluan	174
8.2	Ringkasan Penemuan Kajian	174
8.3	Implikasi Kajian	182
	8.3.1 Implikasi Kajian Terhadap Konsep Pihak Berkuasa Tempatan	182
	8.3.2 Implikasi Kajian Terhadap Perspektif Teori	182
	8.3.3 Implikasi Kajian Terhadap Polisi Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	183
	8.3.4 Implikasi Kajian Terhadap Metodologi	185
	8.3.5 Penemuan Baharu Dalam Kajian Pihak Berkuasa Tempatan Dan Kualiti Hidup Komuniti Bandaraya	185
8.4	Sumbangan Kajian	186
8.5	Batasan Kajian	187
8.6	Cadangan Kajian Masa Hadapan	188
8.7	Kesimpulan	188
<b>RUJUKAN</b>		190
<b>LAMPIRAN</b>		208

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Definisi Kerajaan Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan Mengikut Para Sarjana	12
Jadual 2.2 : Bahagian V Ordinan Kerajaan Tempatan Sabah 1961- Fungsi-fungsi Pihak Berkuasa Tempatan	13
Jadual 3.1 : Indeks Kualiti Hidup Bandar Malaysia Pada Tahun 2002	43
Jadual 3.2 : Bilangan dan Taraf Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia	62
Jadual 4.1 : Senarai Informan Pentadbir Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	89
Jadual 4.2 : Senarai Informan Pemimpin Komuniti Bandaraya Kota Kinabalu	90
Jadual 4.3 : Senarai Pihak Berkuasa Tempatan Di Bawah Bidang kuasa Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan Sabah	95
Jadual 4.4 : Pemerhatian Di Lapangan	100
Jadual 4.5 : Simbol Pengkodan Mengikut Transkrip Dan Informan	102
Jadual 4.6 : Pengumpulan Data-Fail Gambar Berdasarkan Tema	103
Jadual 5.1 : Perincian Konsep/Tema Dan Domain Peranan Pentadbir Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	107
Jadual 5.2 : Perincian Konsep/Tema Dan Domain Peranan Pemimpin Komuniti	110
Jadual 6.1 : Perbezaan Bilangan Program Data Temubual Informan Pentadbir DBKK Dan Pemimpin Komuniti Berdasarkan 4 Domain Peranan	151
Jadual 6.2 : Persamaan Program Data Temubual Informan Pemimpin Komuniti Dengan Pentadbir DBKK	152

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Kerangka Model Lingkaran Kelestarian	31
Rajah 2.2 : Kerangka Model Lingkaran Kelestarian Bandar dan Konsep Operasi Kelestarian Bandar	33
Rajah 4.1 : Kerangka Proses Kajian Kualitatif Penyelidikan	92
Rajah 8.1 : Ringkasan Penemuan Kajian	177



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## SENARAI SINGKATAN

<b>AADK</b>	-	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
<b>AIRBNB</b>	-	<i>Air Bed and Breakfast (Short-term rental)</i>
<b>DBKK</b>	-	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
<b>IKHBM</b>	-	Index Kualiti Hidup Bandar Malaysia
<b>JK</b>	-	Jawatankuasa Masjid
<b>JKDB</b>	-	Jawatankuasa Kemajuan Dalam Bandar
<b>JKPB</b>	-	Jabatan Kesihatan & Perkhidmatan Bandaraya
<b>JKR</b>	-	Jabatan Kerja Raya
<b>JL</b>	-	Jabatan Lanskap
<b>JPB</b>	-	Jabatan Perancangan Bandaraya
<b>KAN</b>	-	Ketua Anak Negeri
<b>KKTP</b>	-	Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan
<b>KPKT</b>	-	Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan
<b>LGO</b>	-	<i>Local Government Ordinance</i>
<b>MPKK</b>	-	Majlis Pengurusan Komuniti Kampung
<b>NGO</b>	-	<i>Non-Government Organization</i>
<b>PBT</b>	-	Pihak Berkuasa Tempatan
<b>PDRM</b>	-	Polis DiRaja Malaysia
<b>PJKPB</b>	-	Pengarah Jabatan Kesihatan & Perkhidmatan Bandaraya
<b>PJL</b>	-	Pengarah Jabatan Lanskap
<b>PJPB</b>	-	Pengarah Jabatan Perancangan Bandaraya
<b>PKK</b>	-	Perusahaan Kecil Kawasan
<b>RT</b>	-	Rukun Tetangga
<b>SB</b>	-	<i>Sanitary Boards</i>
<b>SDGS</b>	-	<i>Sustainable Development Goals</i>
<b>SESB</b>	-	Sabah Electricity Sdn. Bhd.
<b>UUK</b>	-	Undang-Undang Kecil

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Rangka Temubual Bersama Informan DBKK	208
Lampiran B : Rangka Temubual Bersama Informan Pemimpin Komuniti	210
Lampiran C : Sesi temubual bersama Informan DBKK Datuk Abd Ghani Abd Rashid (gambar atas) dan Informan Pemimpin Komuniti Pn Lahira Kamali (gambar tengah) dan Informan Pemimpin Komuniti Tuan Kasno Paijan (gambar bawah)	213
Lampiran D : Data-Fail Contoh Gambar Berdasarkan Konsep/Tema/Domain	214
Lampiran E : Contoh Gambar Operasi/Aktiviti DBKK	217
Lampiran F : Anggaran Hasil dan Belanjawan DBKK 2019, 2020 & 2021	218
Lampiran G : Carta Organisasi DBKK 2021	220
Lampiran H : Perjawatan Pegawai Perancang Bandar	221
Lampiran I : Inisiatif Permit Pembinaan Ekspres (E10)	222
Lampiran J : Carta Proses Kelulusan Pelan Pembangunan	223
Lampiran K : Bangunan DBKK Sebagai Lokasi Kajian	224
Lampiran L : Projek Taman Sungai Sembulan	225



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan struktur perbincangan tesis. Tujuan tesis ini adalah mengkaji kesan program-program pembangunan bandar DBKK ke atas kualiti hidup komuniti bandaraya Kota Kinabalu, cabaran pelaksanaan program dan strategi mengatasinya. Pihak Berkuasa Tempatan di Kota Kinabalu dikenali sebagai *Jesselton Sanitary Board* mula di tubuhkan pada tahun 1931 semasa pemerintahan pihak British. Semasa zaman kemerdekaan PBT di Kota Kinabalu telah dinaiktarafkan sebagai Lembaga Bandaran Kota Kinabalu, Majlis Perbandaran Kota Kinabalu dan akhirnya dikenali sebagai Dewan Bandaraya Kota Kinabalu pada 02 Febuari 2000. DBKK telah melakukan pelbagai program pembangunan bandar sejak mula penubuhannya untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti Bandaraya Kota Kinabalu.

Impak daripada pembangunan khususnya di kawasan bandar menyaksikan peningkatan dan perubahan positif dari segi kesihatan, perlindungan keselamatan, tempat tinggal, peluang ekonomi dan pengurusan bandar (Szalai, 1980; Katiman, 2011). Program penyediaan infrastruktur ini menjamin keselesaan kehidupan masyarakat setempat, mewujudkan pusat-pusat ekonomi dan perdagangan, memelihara tempat-tempat awam, penyelenggaraan kemudahan asas dan penjagaan kebersihan melibatkan kawasan awam dan perumahan, pengurusan sampah dan sisa pepejal, kawalan kesihatan penyakit berjangkit serta keindahan kawasan bandar (Mariana *et al.*, 2014).

Fokus utama perancangan bandar oleh pihak perancang bandar atau PBT adalah untuk menggalakkan kesejahteraan atau kehidupan berkualiti masyarakat yang mendiami kawasan bandar (Norhaslina *et.al.*, 2013). Salah satu ciri pencapaian

kualiti hidup baik bandar tersebut adalah berdaya huni melalui kelestarian bandar, (Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2), prinsip nombor dua). Berdaya huni bermakna warganya mempunyai keinginan untuk hidup dalam kawasan bandar kerana persekitaran yang aman, bersih, sihat, bebas daripada ketidakselesaan, merasa selamat, menyediakan peluang ekonomi yang baik dan memenuhi keinginan yang diperlukan oleh komunitinya, (Shaharudin *et.al*, 2010). Apabila komuniti bandaraya merasakan perkara sedemikian, maka bandar tersebut berkemampuan meningkatkan dan melindungi kualiti hidup komuniti bandaraya.

Menurut Ge dan Hokao (2006) dan Marans (2015) bandar yang memberi tarikan kepada komuniti bandar untuk terus didiami adalah terbukti memberikan kepuasan dan kualiti hidup yang baik kepada komunitinya. Tambahan lagi, kepuasan terhadap tempat menjadikan komuniti bandar memberi komitmen yang baik ke atas kesejahteraan bandar tersebut (Zenker, Petersen & Abolt, 2013), merasakan keakraban atau kasih sayang terhadap bandar (Florek, 2011; Insch & Florek, 2008), membina identiti dengan tempat tersebut (Hernandez *et al.*, 2007), serta kesetiaan kepada bandar tersebut (Florek, 2011). Hubungan efektif komuniti bandar dengan bandar tersebut mengurangkan keinginan untuk meninggalkan kawasan bandar (Zenker & Rutter, 2014), bahkan mengukuhkan hubungan warga bandar dengan komuniti bandar yang lain (Kahrík *et al.*, 2015). Oleh itu tujuan kajian ini adalah untuk meneroka peranan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan kesannya terhadap kualiti hidup komuniti dari perspektif kelestarian bandar dan dalam bidang sosiologi bandar.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Bandar merupakan pusat pembangunan ekonomi, sosial dan politik sesebuah negeri atau negara (Ooi, 2005). Menurut Myers (2007), kualiti hidup di bandar mempunyai kaitan dengan perancangan bandar yang dilakukan oleh pihak perancang bandar di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dikenalpasti sebagai organisasi yang bertanggungjawab memastikan komuniti bandar dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik hasil daripada pembangunan

bandar menurut (Banai & Rapino, 2009). Fokus utama pihak perancang bandar adalah untuk menggalakkan kesejahteraan atau kehidupan berkualiti masyarakat yang mendiami kawasan bandar (Norhaslina *et.al*, 2013). Merujuk Petrus, (2016) perancangan Bandaraya Kota Kinabalu sentiasa dipantau oleh pihak perancang bandar dari masa ke semasa agar apa juga perancangan bandar yang dilaksanakan dapat memberi kebahagiaan hidup yang tinggi kepada penduduk. Pihak perancang bandar juga hendaklah membuat perancangan bandar yang benar-benar diperlukan oleh rakyat supaya tidak berlaku pembaziran sumber dan kos, kebahagiaan hidup penduduk meningkat dan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dapat dicapai (Petrus, 2016). Sekiranya pembangunan tidak bergerak seiring dengan kemampuan komuniti bandar, maka ia menyebabkan penurunan kepada kadar kualiti hidup penduduk menurut Muhammad et al., 2013. Perkhidmatan yang rendah kualitinya akan membawa kepada ketidakpuasan hati pelanggan terutama masyarakat awam (Zikri Muhammad, 2013). Salah satu daripada tujuh isu dan cabaran DPN2 dinyatakan berlakunya kemerosotan kualiti hidup komuniti bandar (DPN2).

Agenda pembangunan mampan dan pemuliharaan alam sekitar bermula selepas laporan Brundland pada tahun 1987. Ini diikuti oleh SDGs yang digunapakai untuk mengukur dan menjadi panduan kepada pembangunan yang baik di kawasan bandar sehingga tahun 2030. Konsep kelestarian terus berkembang dan teori kelestarian bandar mengambil kira keperluan penghuni bandar dan alam sekitar yang mampan. Namun Pendekatan model Atas-Bawah (*Top-Down*) dan pendekatan model Bawah-Atas (*Bottom-up*), dalam teori kelestarian bandar menunjukkan terdapat jurang atau perbezaan dari segi keutamaan mengenai peranan dan program antara pihak komuniti dan pihak pentadbir PBT. Jurang ketidaksamaan ini mempunyai kesan terhadap pembangunan bandar dalam usaha untuk meningkat kualiti hidup komuniti bandaraya. Keupayaan program pembangunan mencapai matlamatnya demi menjamin kesejahteraan penduduknya dipersoal oleh penduduk, media dan pihak yang berkepentingan. Bermakna terdapat isu dan masalah dari segi kegagalan menunaikan perkhidmatan terbaik. Ini berikutan masih terdapat isu kemiskinan bandar, longgokan sisa pepejal, banjir kilat, setinggan, penjaja haram, jenayah, pencemaran, denggi, dan sebagainya dalam komuniti bandar. Lingkaran kelestarian bandar James, 2015 membincangkan profil bandar berdasarkan empat komponen

iaitu ekologi, ekonomi, budaya dan politik. Model kelestarian bandar James, 2015 mengemukakan satu penunjuk aras berdasarkan warna, iaitu aras hijau mewakili lestari, kuning adalah separa lestari dan merah pula berada pada tahap yang kritikal yang mana pembangunan berada pada tahap yang tidak lestari untuk mengenalpasti ancaman kepada manusia dan alam sekitar pada masa akan datang. Appendino, 2017 mengkonstruksi tiga komponen kelestarian iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar. Appendino belum mengambil kira komponen kelestarian tadbir urus apabila membincangkan peranan PBT sebagai agen perancang bandar dan pembangunan bandar. Pembentukan kerangka baharu akan menekankan kepada unsur penjana ekonomi, sosial budaya, ekologi fizikal dan politik tadbir urus. Kerangka ini adaptasi James, 2015 dan Hamzah, J., & Habibah, A.2009 dan pelan strategik DBKK.

Menurut buku laporan Pelan Strategik DBKK tahun 2011-2015 (Pelan Strategik DBKK, 2011) terdapat tujuh fungsi mandatori atau teras DBKK yang menjurus kepada aspek Kebersihan, Keindahan dan Keselamatan (3K). Laporan Pelan Strategik DBKK tahun 2017-2020 (Pelan Strategik DBKK, 2017) telah menjenamakan semula konsep 3K kepada 4P iaitu Perkhidmatan, Pembersihan, Penguatkuasaan dan Pembangunan (4P). Bagaimanapun kedua-dua Pelan Strategik ini masih mempunyai tujuh fungsi mandatori yang sama walaupun konsep 3K menjadi konsep 4P. Perubahan kepimpinan DBKK membawa kepada perubahan keutamaan program pembangunan kerana ketiadaan dasar perbandaran seperti DPN. Ternyata berdasarkan *crowd-sourced global database* (NUMBEO, 2020), Indeks Kualiti Hidup Bandar di Kota Kinabalu yang dikemas kini pada Julai 2020 hanya berada pada tahap sederhana, iaitu dengan kiraan indeks 103.66. Pencapaian yang sederhana bagi indeks kualiti hidup bandar kota Kinabalu memperlihatkan perlunya untuk menilai program pembangunan DBKK melalui temubual, pemerhatian dan sumber dokumen. Visi Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) pada tahun 2016 menjadikan "Kota Kinabalu sebagai sebuah bandaraya yang bersih, hijau dan berdaya huni" (Pelan Strategik DBKK, 2017).

DBKK bertanggungjawab ke atas peningkatan kualiti hidup komuniti bandaraya telah merancang untuk melakukan transformasi Bandaraya Kota Kinabalu kepada Bandar Hijau dengan tema "Bandaraya Peranginan Semulajadi" sesuai

dengan persekitaran Bandaraya Kota Kinabalu yang dikelilingi dengan alam semulajadi yang menghidup, pesisiran pantai dan Pulau (Pelan Strategik DBKK, 2011). Menurut Abdul Rahman (2007), sebarang strategi pembangunan bandar yang dilakukan oleh PBT adalah memerlukan keputusan yang dibuat secara bersama dengan komuniti bandar kerana kumpulan tersebut yang mendiami kawasan bandar. Oleh itu pengkaji melihat isu kualiti hidup komuniti bandar impak dari pembangunan bandar dan isu keberkesanan peranan dan program DBKK dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti bandar berdasarkan perspektif kelestarian bandar terhadap dua kumpulan informan pemimpin komuniti dan informan DBKK untuk mendapatkan data melalui temubual.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Kajian ini mengenalpasti empat persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah peranan dan program-program pembangunan bandar DBKK yang memberi kesan terhadap peningkatan kualiti hidup komuniti Bandaraya Kota Kinabalu?
2. Sejauh manakah program-program yang telah dilaksanakan oleh DBKK dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti Bandaraya Kota Kinabalu?
3. Apakah cabaran pelaksanaan program-program pembangunan DBKK dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti Bandaraya Kota Kinabalu?
4. Bagaimanakah strategi DBKK menangani cabaran untuk meningkat kualiti hidup komuniti Bandaraya Kota Kinabalu?

## **1.4 Objektif Kajian**

Sebanyak empat objektif kajian dibentuk seperti di bawah:

1. Mengenalpasti peranan dan program-program pembangunan bandar DBKK yang memberi kesan terhadap peningkatan kualiti hidup komuniti Bandaraya Kota Kinabalu.
2. Menilai sejauh mana program-program yang telah dilaksanakan oleh DBKK dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti Bandaraya Kota Kinabalu.
3. Mengenal pasti cabaran pelaksanaan program-program pembangunan DBKK dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti Bandaraya Kota Kinabalu.
4. Membincangkan strategi DBKK menangani cabaran untuk meningkat kualiti hidup komuniti Bandaraya Kota Kinabalu.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini dijalankan terbahagi kepada dua jenis kepentingan, iaitu kepentingan kepada teori kelestarian bandar serta kepentingan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK).

### **1.5.1 Kepentingan Kepada Teori**

Kepentingan kajian ini melihat sejauh mana pembangunan bandar di Kota Kinabalu telah mengikut pendekatan teori kelestarian bandar oleh Appendino, 2017 dan model lingkaran kelestarian bandar James, 2015. Hal ini demikian kerana, teori kelestarian bandar menekankan bahawa setiap pembangunan yang dilakukan mesti mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh agen pembangunan bagi melaksanakan pembangunan lestari atau mampan (Abdul Hadi Harman Shah *et al.*, 2010). Manakala, aspek pembangunan bandar mampan di Kota Kinabalu perlu mengikut garis panduan yang telah dirancang dan ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri atau kerajaan pusat sebagai penggubal dasar pembangunan bandar dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) selaku PBT tunggal di Kota Kinabalu sebagai